

26 OCT 1998

Mahathir-media

DR MAHATHIR GESA MEDIA SUPAYA ADIL, SEIMBANG DAN BENAR

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta media antarabangsa yang disifatkan beliau sebagai sebuah institusi yang sangat kuat supaya membuat laporan secara adil, seimbang dan benar.

Sambil berkata beliau tidak meminta media melaporkan hanya yang baik-baik sahaja, Dr Mahathir berkata malang sekali media sendiri sering kali menyalahgunakan kuasa itu.

Perdana Menteri memberikan contoh dalam kes yang membabitkan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton dengan pelatih White House Monica Lewinsky.

"Saya bukan peminat Presiden Bill Clinton tetapi saya bersimpati dengan beliau," kata beliau semasa merasmikan persidangan dwi-tahunan Kesatuan Akhbar Komonwel (CPU) di sini hari ini.

"Dia hanya memeluk Monica Lewinsky sekali, itupun di khalayak ramai. Dia mungkin telah memeluk beberapa kali lagi secara sulit, yang itu kita tidak ada gambarnya.

"Tetapi gambar yang dia peluk itu telah disiarkan dalam setiap laporan mengenai Presiden Clinton sama ada perkara yang disentuh itu ada kaitan atau tidak dengan kejadian berkenaan," tambahnya.

"Jika CNN hendak dipercayai Bill Clinton telah memeluk Monica beribu kali, dua belas kali sehari sejak CNN menyiarkan episod berkenaan daripada gambar-gambar fail," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau berasa apa yang ditunjukkan menerusi televisyen adalah tidak adil kepada Clinton dan bertanya apakah perlu untuk menyiarkan gambar Clinton berpelukan dengan Lewinsky setiap kali namanya (Clinton) disebut.

"Bagaimana seseorang itu boleh menghakimkan beliau tanpa berat sebelah, tanpa prasangka? Bagaimanakah pengadilan ke atas Presiden itu berlaku adil dan saksama?" kata beliau.

Beliau berkata Malaysia sedang mengalami keadaan yang serupa apabila masalahnya diperlihatkan sebagai serius kepada penonton di seluruh dunia oleh media antarabangsa yang berpengaruh dan kuat itu.

"Malaysia tidak pernah mendapat laporan yang baik. Tidak ada satupun perkara yang positif yang kami capai dilaporkan," kata beliau.

Beliau menyelar media Barat kerana memberikan gambaran kepada dunia seolah-olah Malaysia berada dalam keadaan huru-hara dan menyifatkan negara ini sebagai sebuah negara Polis "di mana kekejaman Polis berlaku setiap hari atau setidaknya berlaku setiap jam".

"Maka setiap kali Malaysia terpampang di skrin T.V. kerana tujuan tertentu, gambar-gambar rusuhan dan kesan lebam di muka yang terkenal itu ditunjukkan," kata beliau merujuk kepada gambar-gambar bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dibawa ke mahkamah bulan lepas dengan kesan lebam di mata.

Anwar kini ditahan di penjara Sungai Buloh sementara menunggu perbicaraan atas 10 tuduhan rasuah dan salah laku seks. Sejak penahanannya pada 20 Sept para penyokong Anwar telah mengadakan tunjuk perasaan di jalan raya yang disifatkan oleh Dr Mahathir sebagai percubaan untuk menggulingkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata gambar-gambar kereta perisai dengan askar kulit hitam Afrika di atasnya kerap ditunjukkan apabila membuat laporan mengenai tunjuk perasaan tanpa memberi penjelasan bagaimana askar-askar Afrika itu memandu kereta perisai di Malaysia.

Para penonton di seluruh dunia tidak boleh dipersalahkan sekiranya mereka menyangka Malaysia berada di Afrika atau Malaysia mengambil askar upahan dari Afrika, tambahnya.

Dr Mahathir berkata sekiranya media mahu melaporkan kejadian dan gerakan penentangan terhadap kerajaan negara-negara membangun, setidak-tidaknya mereka perlu berlaku adil terhadap kerajaan dengan memberikan laporan yang saksama terhadap pihak kerajaan.

"Pihak media menuduh Kerajaan Malaysia dan kerajaan negara-negara membangun yang lain mengawal kebebasan media. Tetapi tidakkah media sendiri yang berbuat demikian?"

"Media antarabangsa tidak pernah memberikan peluang kepada pihak kerajaan untuk menyuarakan. Malah mereka memutarbelitkan laporan mengenai kerajaan dan lebih buruk lagi mereka-reka berita yang karut mengenai kerajaan," kata beliau.

Perdana Menteri bertanya bagaimana media boleh menyokong gerakan untuk menggulingkan kerajaan menerusi tindakan tidak demokratik seperti rusuhan di jalan raya sedangkan pada masa yang sama mereka bercakap mengenai demokrasi.

Beliau berkata media seperti itu sebenarnya menipu pelanggan mereka dengan membuat laporan yang berat sebelah dan diputarbelit.

Perkara seperti ini sering kali berlaku dalam laporan dan majalah ekonomi kerana analisis yang dibuat biasanya berdasarkan kepada agenda media berkenaan, kata beliau.

"Jika tidak memihak kepada sesebuah negara kerana alasan tertentu, maklumat yang salah digunakan untuk merosakkan negara berkenaan. Pelancong dan pelabur kemudian akan mengeneipkan negara itu".

Kadang-kala ekor daripada laporan seperti itu, ekonomi negara berkenaan akan jatuh dan ini membawa kepada ketidakstabilan dan huru-hara.

Sambil menggesa media supaya memikirkan semula peranan mereka dan menggunakan kuasa mereka dengan sebaik-baiknya, beliau berkata media boleh memupuk konsep kejiranan yang positif.

"Ia boleh membantu mencorakkan budaya baru dunia, budaya perkongsian, budaya yang menjadikan dunia itu sebuah perkampungan jiran-jiran yang penyayang. Media yang boleh membantu membawa keamanan," kata beliau.

-- BERNAMA

AZZ oba